

No. Soalan: 83
PR-1352-L01663

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]

TARIKH : 2 OGOS 2017

SOALAN : Dato' Dr. Tan Kee Kwong
[Wangsa Maju] minta MENTERI LUAR
NEGERI menyatakan apakah tindakan
Kerajaan berikutan kejadian rompakan
Duta Besar Malaysia ke Chile.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Wangsa Maju atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, antara langkah-langkah yang telah diambil berikutan kejadian rompakan di kediaman rasmi Duta Besar Malaysia ke Chile di Santiago, Chile adalah seperti berikut :

- 2.1 Kementerian Luar Negeri telah memanggil Duta Besar Chile di Malaysia pada 14 Jun 2017 untuk menyatakan kebimbangan mengenai kejadian rompakan ini dan memohon kerjasama Duta Besar dan Kementerian Luar Chile untuk memaklumkan kepada pihak berkuasa Santiago bagi meningkatkan lagi rondaan keselamatan di kawasan Kediaman Rasmi Duta Besar Malaysia di Santiago.
- 2.2. Di samping itu, Kementerian sedang mempertimbangkan bagi menggantikan beberapa aset kerajaan yang rosak/hilang ekoran daripada rompakan tersebut.
- 2.3 Kementerian juga sedang meneliti langkah-langkah untuk meningkatkan pengawasan keselamatan di Kediaman Rasmi Duta Besar dengan cadangan pemasangan CCTV dan pengambilan khidmat keselamatan daripada syarikat kawalan keselamatan tempatan, tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [PASIR MAS]**

TARIKH : 2 OGOS 2017 (RABU)

SOALAN : 84

Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian melaksanakan Analisis Kos Manfaat terhadap pelaksanaan AES bagi mengurangi kecelakaan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa pelaksanaan AES yang kini telah diberi penjenamaan semula kepada *Automated Awareness Safety System* (AwAS) telah terbukti secara data saintifik dalam mengurangkan bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya. Sebagai contoh, analisis terkini yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) semasa Operasi Tahun Baru Cina (OPS TBC) 2017 di tujuh (7) lokasi mudah alih menunjukkan peningkatan kadar pematuhan had laju sebanyak 18.9% iaitu meningkat dari 60.3% sebelum penguatkuasaan kepada 79.2% selepas penguatkuasaan.

Selain itu, kajian tersebut juga menunjukkan tiada kematian yang dicatatkan bagi tempoh OPS TBC 2017 berbanding 2 kematian yang dicatatkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama. Bilangan kemalangan juga telah menurun sebanyak 18 kes (90%) kemalangan iaitu daripada 20 kes pada tahun 2016 kepada 2 kes pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira senario tersebut, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menambah pemasangan kamera tetap di tujuh (7) lokasi baharu selain 14 lokasi sedia ada pada pertengahan bulan Jun 2017 menjelang musim perayaan yang lepas. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pihak MIROS masih dalam proses melakukan analisis dan pengumpulan data untuk menilai keberkesanan di 7 lokasi tambahan kamera AwAS.